

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8 November 2015

Kes Tun M dirujuk Jabatan Peguam dua minggu lagi

KUALA LUMPUR 7

Nov. - Kertas siasatan terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung kenyataannya yang didakwa berunsur fitnah semasa perhimpunan haram Bersih 4.0 di ibu negara pada 30 Ogos lalu dijangka dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara dua minggu lagi.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Noor Rashid Ibrahim berkata, kertas siasatan sudah hampir siap dan sedang dilengkapkan.

"Kita akan rujuk secepat mungkin... mungkin dalam seminggu dua ini.

"Sebelum itu, kita perlu meneliti semula adakah terdapat perkara-perkara yang perlu dilakukan sebelum kertas siasatan dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri upacara perbarisan tamat latihan Kursus Asas Kadet Inspektor Siri 1/2015 di Pusat Latihan Polis (Pulapol), Jalan Semarak, hari ini.

Dalam majlis tersebut seramai 511 orang Kadet Inspektor telah menamatkan latihan selama sembilan bulan yang bermula sejak 8 Februari lalu.

Dalam pada itu, ketika ditanya sama ada pihaknya akan memanggil semula Dr. Mahathir, Noor Rashid menegaskan, tiada keperluan untuk berbuat demikian.

"Kita telah buat persediaan rapi tentang soalan-soalan yang ditanya. Jika ada keperluan, kita akan berhubung dengan beliau," tambahnya.